

WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.
SALMIAH
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB
CANSELOR
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN
PKS & KEUSAHAWANAN
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

MAJLIS PENUTUPAN KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0

5 Jun, 2024
DEWAN AV8 FSK6, UITM KAMPUS
PUNCAK ALAM

Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang



**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat sejahtera, Salam UITM di hatiku dan Salam
Malaysia MADANI.**

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi tahmid kesyukuran ke hadirat Tuhan Yang Maha Rahman, dengan limpah dan kurniaan-Nya mengizinkan kita untuk bertemu di dalam Majlis Perasmian dan Penutup KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0 yang penuh bermakna ini.

Sesungguhnya majlis pada hari ini merupakan wahana untuk saya menzahirkan ucapan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Puncak Alam dan Pusat Pembangunan Keusahawanan MASMED selaku Jawatankuasa Pelaksana KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0 kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program ini.

Saya difahamkan majlis hari ini adalah untuk meraikan mahasiswa kita yang terdiri daripada mahasiswa Semester 6 Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Puncak Alam UITM yang mengambil subjek New Venture Creation (ENT 677) kerana telah berjaya menamatkan KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0 ini.

PROGRAM PERINTIS KEUSAHAWANAN SISWA

Hadirin yang dikasih,

Memetik kata-kata Zig Ziglar, "You don't have to be great to start, but you have to start to be great", saya

kira cukup sinonim dengan maksud usaha kita ini. Dalam bidang keusahawanan, kita perlu memulakan langkah pertama yang berani dengan semangat yang tinggi. Keberanian untuk memulai, ketekunan dalam menghadapi rintangan, dan niat yang kuat untuk mencapai tujuan adalah kunci untuk menjadikan impian usahawan menjadi kenyataan. Keberhasilan sebuah usaha tidak hanya tergantung pada kehebatan, namun lebih pada keberanian untuk memulai langkah pertama yang diperlukan. Maka bertitik tolak dari sini lah, pelbagai Program Perintis Keusahawanan Siswa seperti KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0 diperkenalkan di MASMED untuk menjantik semangat berani dan keyakinan yang jitu dalam kalangan siswazah sekalian.

Program perintis keusahawanan siswa amat relevan dengan keperluan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan kerana ia menyediakan platform bagi mahasiswa untuk mengembangkan kemahiran keusahawanan yang kritikal dalam dunia yang semakin kompetitif.



Dalam era globalisasi ini, graduan perlu memiliki lebih daripada sekadar pengetahuan akademik; mereka juga perlu mempunyai kebolehan untuk mencipta peluang pekerjaan, berinovasi, dan beradaptasi dengan perubahan pasaran. Program seperti ini membolehkan siswa mendapat pengalaman praktikal dalam mengurus perniagaan, yang akan mempersiapkan mereka untuk menjadi usahawan berjaya atau profesional yang berdaya saing dalam pelbagai industri.

Selain daripada itu, kem sebegini juga dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan IPT tempatan. Dengan memberi pendedahan awal kepada konsep dan praktik keusahawanan, siswa dapat membangunkan idea perniagaan yang berpotensi menjadi sumber pendapatan selepas tamat pengajian. Ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, tetapi juga membina ekosistem perniagaan yang dinamik dan inovatif. Siswa yang terlibat dalam program perintis ini berpeluang untuk menjalin jaringan dengan usahawan dan industri, yang mana hubungan ini amat berharga dalam membina kerjaya pada masa hadapan.

UTM melalui MASMED sememangnya mempunyai kekuatan besar untuk mengurus visi keusahawanan negara. Potensi MASMED di dalam menyokong dan membangunkan sektor keusahawanan di Malaysia juga juga merupakan salah satu hasrat kerajaan telah banyak kali dibuktikan termasuklah melalui usaha-usaha seperti program UTM Unicorn Scholar Program (Entrepreneurship) dan KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0 ini.

Baru-baru ini, MASMED telah berjaya melancarkan majlis penutupan Proficiency Certificate for Entrepreneurship Educators atau ProCEEEd dan Smart Agro-Solarpreneur iaitu salah satu inisiatif dalam program "UTM Signature Program". Smart Agro-Solarpreneur adalah merupakan gabungan projek usahawan vendor Solar, Fertigasi dan Kelulut, yang ditaja oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dengan sumbangan dana berjumlah RM150,000.00.

MASMED juga telah berkolaborasi dengan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia dalam penganjuran program Keusahawanan eBaypreneur yang memberikan pendedahan kepada mahasiswa, staf dan komuniti dengan kemahiran keusahawanan melalui platform e-dagang, khususnya eBay.

Alhamdulillah, pencapaian ini merupakan hasil berkat semangat berpasukan dan keikhlasan semua warga dalam memacu MASMED UTM untuk menjadi lebih progresif. Ini juga membuktikan bahawa MASMED serius dalam memperjuangkan pembangunan Bumiputera secara holistik seiring dengan nilai-nilai Kecemerlangan, Sinceri, dan Integriti. MASMED UTM juga menerapkan moto "Usaha, Takwa, Mulia" sebagai landasan utama dalam setiap inisiatif, dan berpegang teguh kepada tema "Globally Renowned, Locally Rooted".



LATAR BELAKANG KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0

Hadirin yang saya muliakan,

Untuk makluman semua, KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0 ini dihadiri oleh siswazah yang terpilih untuk menjalani kem pemantapan ilmu keusahawanan bersama pakar-pakar keusahawanan. Dalam kem ini, peserta diberikan bimbingan, struktur, keupayaan dan sokongan yang diperlukan untuk memulakan perniagaan baharu mereka.



KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) ini telahpun berlangsung selama 2 hari iaitu 3 dan 4 Jun yang lepas. Saya juga difahamkan peserta bergelut dinilai berdasarkan cadangan pembentangan perniagaan dan hari ini kita akan mengumumkan tiga (3) pembentang kertas cadangan yang terbaik dan menepati kriteria juri. Pemenang akan membawa pulang hadiah saguhati beserta e-siji.

2. Pada hemat saya, kem ini telah berjaya membawa misi dan visi program keusahawanan MASMED ke arah kecemerlangan berlandaskan agenda pendidikan keusahawanan di UTM. Sebenarnya pengisian kem ini sangat bermanfaat kepada para peserta dalam menerapkan minda keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan meningkatkan pengetahuan serta skil keusahawanan dalam kalangan siswa.

PERANAN MASMED DALAM MEMPERKASAKAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

UTM melalui MASMED akan terus giat melaksanakan program pendidikan dan latihan dalam keusahawanan bagi memperluaskan asas pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh siswazah untuk berjaya dalam bidang keusahawanan.

Tambahan pula, program keusahawanan sebegini selaras dengan agenda nasional untuk menggalakkan pembangunan modal insan yang berinovasi dan berdaya saing. Melalui inisiatif ini, IPT tempatan dapat memainkan peranan penting dalam menyokong visi negara untuk menjadi hub keusahawanan di rantau ini. Program ini juga memperkukuh kerjasama antara akademi dan industri, memastikan bahawa kurikulum yang ditawarkan adalah relevan dengan keperluan pasaran semasa. Keseluruhannya, program perintis keusahawanan siswa adalah komponen penting dalam memastikan IPT tempatan terus relevan dan mampu menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

MASMED UTM akan terus mendedahkan para peserta kepada pelbagai model keusahawanan seperti keusahawanan digital, platform perdagangan dalam talian, dan alat-alat digital yang boleh digunakan untuk membangunkan perniagaan. MASMED UTM juga akan terus memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar dengan menyediakan pendekatan keusahawanan, kelab keusahawanan, dan program-program pemerikasaan diri agar peluang keusahawanan itu dilihat terbuka luas dan global.

HARAPAN, UCAPAN TAHNIAH DAN PENUTUP BICARA

Tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang saya kasih sekalian,



Saya menyeru kepada semua peserta KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0 untuk menggunakan ilmu yang telah ditimba sebaik-baiknya hasil daripada kem ini. Saya berharap juga agar lebih banyak program bermanfaat sebegini dijalankan pada masa hadapan dan mampu menarik lebih ramai siswazah kita untuk menceburi bidang keusahawanan. Teruskan dengan program sebegini dengan lebih agresif lagi kerana kita tahu program sebegini selanjutnya akan menghasilkan peluang positif untuk para usahawan berjaya. Jangan sesekali takut untuk gagal kerana orang yang gagal adalah orang yang takut mencuba.

Saya ucapkan setinggi-tinggi syabas dan terima kasih kepada semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah memainkan peranan dan memberikan kerjasama dalam merealisasikan kem ini. Saya pasti semua pihak telah bersedia untuk memberikan yang terbaik demi memastikan kecemerlangan UTM secara berterusan. Semoga usaha dan sumbangan kita hari ini mendapat kerhdhan Allah Subhanahu Wa Taala.

**Burung merbah di pohon asam,
Anak sembilang berenang-renang,
Kuatkan semangat tekadkan azam,
Kejayaan pasti akan menjelang.**

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan penutupan "KEM PERINTIS USAHAWAN SISWA (KEPUS) 1.0" pada kali ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh. Terima kasih.

Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



korporatmasmed@uitm.edu.my



Kompleks Usahawan, UiTM

A photograph of a modern building facade with a white wall and a dark tiled roof. A large sign on the wall reads "KOMPLEKS USAHAWAN" in bold, dark blue capital letters. The building has multiple windows and a covered entrance area with white columns.

**KOMPLEKS
USAHAWAN**